



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
Pejabat Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
(Office of the Senior Director of Pharmaceutical Services)
Lot 36, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
Selangor
MALAYSIA

No. Telefon : 03 - 7841 3201
No. Faksimili : 03 - 7968 2248
Portal Rasmi : <http://www.pharmacy.gov.my>
E-mel : drsalmah.bahri@moh.gov.my
pejabatpkpf@moh.gov.my

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: KKM.600-34/5/10 (2J)

Tarikh : 22 Januari 2018

SYARIKAT-SYARIKAT PENGELUAR DAN PEMBEKAL UBAT-UBATAN DAN FARMASEUTIKAL

Tuan/Puan,

ARAHAN PENYERAGAMAN TAWARAN BONUS DAN HARGA JUALAN KEPADA FARMASI KOMUNITI, KLINIK DAN HOSPITAL SWASTA

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.


2. Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi telah menerima aduan berkenaan perbezaan tawaran harga (*differential pricing*) oleh syarikat pengilang dan pembekal kepada beberapa saluran pendispensan. Hasil semakan mendapati bahawa aduan yang diterima adalah berasas.
3. Perkara ini bercanggahan dengan maksud komponen pertama garis panduan *Good Pharmaceutical Trade Practice (GPTP)* yang diluluskan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pada tahun 2015, di mana syarikat hendaklah menawarkan harga yang seragam kepada semua saluran dan pengamal perubatan (*Standard price and bonus scheme to all channels and healthcare providers*).
4. Menurut Gonül et. al (2001) salah satu ciri-ciri utama pasaran ubat yang membezakannya daripada pasaran komoditi lain adalah peranan doktor sebagai ejen (*perfect agent*) yang menentukan pilihan rawatan yang akan diterima dan dibayar oleh pesakit. Oleh sebab itu, sebahagian besar usaha untuk mempromosikan ubat-ubatan tertumpu kepada para doktor samada dalam bentuk perhatian peribadi (*personal detailing*) oleh wakil syarikat mahupun pemberian stok percuma. Sekiranya tidak dibendung, amalan ini boleh mempengaruhi permintaan dalam pasaran kesihatan kerana sesetengah pengamal perubatan swasta akan cenderung untuk mempreskrib ubat-ubat tertentu yang menguntungkan perniagaannya meskipun rawatan tersebut tidak diperlukan oleh pesakit.

5. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini ingin menegaskan sekali lagi bahawa syarikat-syarikat pengeluar dan pembekal ubat-ubatan dan farmaseutikal hendaklah mematuhi garis panduan GPTP dengan memastikan tawaran harga yang seragam kepada semua farmasi komuniti, klinik dan hospital swasta.

Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan/puan amatlah dihargai dan didahului dengan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DR. SALMAH BINTI BAHRI) RPh.783
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

SMS/har

✉ salbiahsalleh@moh.gov.my/aisha.adam@moh.gov.my / ☎ 03-7841 3256/3356/ 📠 03-7968 2222

s.k.:

1. Pengarah Amalan & Perkembangan Farmasi
2. Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Füsün F. Gönül, a., Franklin Carter, a., Elina Petrova, a., & Kannan Srinivasan, a. (2001). Promotion of Prescription Drugs and Its Impact on Physicians' Choice Behavior. *Journal of Marketing*(3), 79.